

ARAHAN: Jawab **SEMUA** soalan.


- 1 Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
  - A Lambang Kebesaran
  - B Undang-undang
  - C Kedaulatan
  - D Kerajaan
  
- 2 Apakah yang menyebabkan rakyat tidak akan menderhaka kepada pemerintah?
  - A Menerima tular
  - B Mematuhi arahan
  - C Menjalankan peranan
  - D Menghadiri majlis umum
  
- 3 Mengapakah nasionalis di China menentang Dinasti Manchu?
  - I Kehilangan mandat untuk memerintah
  - II Kegagalan menghalang kuasa Barat
  - III Kestabilan negara tergugat
  - IV Kerjasama dengan Barat
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
- 4 Apakah sumbangan Ibu Zain dalam perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu?
  - A Mengasah bakat muda dalam bidang penulisan
  - B Meniup semangat nasionalisme dalam kalangan pemuda
  - C Memperjuangkan kepentingan ilmu pengetahuan untuk wanita
  - D Membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan masyarakat Melayu

5 Jerman tidak berpuas hati dengan perjanjian Versailles.

Mengapakah Jerman bertindak sedemikian?

- A Membayar pampasan perang
- B Mengehadkan perluasan kuasa
- C Memisahkan sempadan negara
- D Menghalang kerjasama antarabangsa

6 Novel berikut dikarang oleh Ahmad Murad Nasaruddin pada abad ke-20.



Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui novel tersebut?

- A Keberanian Albert Kwok
- B Kekejaman tentera Jepun
- C Kegagahan Leftenan Adnan
- D Keganasan Parti Komunis Malaya

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan gagasan Malayan Union.

| Tarikh        | Peristiwa  |
|---------------|--|
| 25 April 1945 | Persatuan Pelajar Melayu Britain menghantar memorandum kepada Parlimen British |

Apakah kandungan memorandum tersebut?

- A Memberi latihan kepimpinan
- B Membantah Malayan Union
- C Menuntut kedaulatan negara
- D Menentang prinsip *Jus Soli*

- 8 Mengapakah sebahagian penduduk Sabah menyambut baik penyerahan Sabah kepada British?
- A Kurang keyakinan terhadap pemimpin tempatan
  - B Mempercepatkan kemerdekaan negeri Sabah
  - C Peluang melibatkan diri dalam pentadbiran
  - D Memandang tinggi pemerintahan British
- 9 Maklumat berikut berkaitan petubuhan yang menentang Jawatankuasa Kerja.

| Golongan                  | Petubuhan                                  |
|---------------------------|--|
| Nasionalis Melayu radikal | Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)               |
| Golongan bukan Melayu     | All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) |

Mengapakah golongan tersebut menentang British penubuhkan Jawatankuasa Kerja?

- I Penindasan terhadap orang Melayu
  - II Penggabungan melibatkan semua kaum
  - III Perundingan secara tertutup dengan UMNO
  - IV Perlembagaan Persekutuan dianggap tidak demokratik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 10 Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah membentuk Majlis Raja-Raja. Apakah kuasa majlis tersebut?
- A Memberi pandangan dalam perkara tertentu
  - B Mengetuai Majlis Perundangan Persekutuan
  - C Mengesahkan keputusan Pesuruhjaya Tinggi
  - D Meluluskan pindaan perlembagaan persekutuan

11 Senarai berikut merupakan tindakan komunis di seluruh Tanah Melayu.

- Melumpuhkan ekonomi
- Merosakkan infrastruktur
- Mengancam pasukan keselamatan

Apakah tujuan tindakan tersebut?

- A Melindungi kepentingan politik
  - B Mempertahankan ideologi
  - C Menamatkan penjajahan
  - D Mencetuskan huru-hara
- 12 Gambar berikut menunjukkan anggota Cawangan Khas yang sedang merancang strategi untuk memerangi komunis.




Apakah kaedah yang digunakan untuk menjayakan operasi tersebut?

- A Risikan
- B Rundingan
- C Membina kubu
- D Serangan gerila

13 Apakah tujuan pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

- I Menggubal undang-undang
  - II Mengkaji sistem pentadbiran
  - III Membetulkan keadaan politik
  - IV Mewujudkan keadaan muhibah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14 Gambar berikut berkaitan dengan pembentukan Parti Perikatan



Apakah simbolik pemilihan kapal layar sebagai logo?

- A Kekayaan sumber dalam negara
- B Kehebatan teknologi seni bina
- C Kesiediaan menempuh cabaran
- D Keselamatan kawalan perairan

- 15 Garis masa berikut merupakan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.

| Tarikh          | Perkara                               |
|-----------------|---------------------------------------|
| 27 Julai 1955   | Mengundi                              |
| 15 Jun 1955     | Penamaan calon                        |
| 18 Oktober 1954 | X                                     |
| Ogos 1954       | Undang-undang Pilihan Raya diluluskan |

Apakah X?

- A Penetapan sempadan
  - B Pendaftaran pengundi
  - C Pembahagian kawasan
  - D Pengumuman keputusan
- 16 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum tahun 1955.

Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Mengusulkan soal imigran
  - II Mengutarakan isu keselamatan
  - III Membangkitkan soal kewangan
  - IV Membincangkan isu kewarganegaraan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 17 Gambar berikut merupakan pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Lord Reid

- Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Mempercepat kemerdekaan negara
  - B Membincangkan kedudukan Raja-raja Melayu
  - C Melantik pegawai pentadbiran kerajaan yang baru
  - D Menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- 18 Apakah perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957?
- A Kesatuan
  - B Kewarganegaraan
  - C Kerajaan Tempatan
  - D Kedudukan Menteri Besar
- 19 Apakah maksud kemerdekaan menurut *Kamus Dewan*?
- A Menghapuskan ikatan perkauman
  - B Menentang pencerobohan kuasa luar
  - C Membangkitkan semangat kebangsaan
  - D Membebaskan diri daripada penjajahan

20 Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan ekonomi negara.

Apakah usaha tersebut?

- I Mencetak mata wang
  - II Membuka kawasan baharu
  - III Mengadakan Rancangan Malaya
  - IV Mendapatkan pinjaman Bank Dunia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

21 Gambar berikut berkaitan tokoh yang memberikan tafsiran tentang kedaulatan.



**Aristotle**

Apakah pandangan beliau terhadap kedaulatan?

- A Kuasa tertinggi
- B Kekuatan agama
- C Semangat kekitaan
- D Mempertahankan hak

22 Rajah berikut berkaitan kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

| KEPENTINGAN NEGARA BERDAULAT   |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Keberkesanan Pentadbiran</li><li>• Kemakmuran Ekonomi</li><li>• X</li><li>• Kecemerlangan Hubungan Luar Negara</li></ul> |


Apakah X?

- A Kedudukan Raja-raja
- B Hubungan Diplomatik
- C Kesejahteraan Sosial
- D Semangat Perpaduan

23 Apakah perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?

- A Mengukuhkan kuasa Kerajaan Negeri
- B Mewujudkan kewarganegaraan yang sama
- C Membentuk Majlis Perundangan Persekutuan
- D Menjamin sistem pemerintahan raja berkuasa mutlak

24 Gambar rajah berkaitan dengan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



Apakah ciri moden yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan?


- A Kesultanan Melayu
- B Kerajaan Persekutuan
- C Kekuasaan ketua kerajaan
- D Kedudukan Bahasa Melayu

25 Majlis Raja-Raja ditubuhkan sejak pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Antara fungsi Majlis Raja-Raja?

- I Memperkenankan pindaan perlembagaan
  - II Memilih Yang di-Pertuan Agong
  - III Menguruskan pilihan raya
  - IV Melantik Perdana Menteri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

26 Rajah berikut merujuk struktur sistem pentadbiran Persekutuan.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan struktur pentadbiran tersebut?

- A Melaksanakan prinsip ketertinggian perlembagaan
- B Memperkenalkan Sistem Demokrasi Berparlimen
- C Mewujudkan Sistem Raja Berperlembagaan
- D Menjalankan pengasingan kuasa

27 Malaysia adalah sebuah negara Persekutuan.

Apakah maksud Persekutuan?

- A Pemerintahan secara demokrasi
- B Penyatuan beberapa buah negeri
- C Pembentukan sistem Jemaah Menteri
- D Pentadbiran oleh Yang di-Pertuan Agong

28 Gambar berikut berkaitan dengan Rancangan Pembangunan Iskandar atau South Johor Economic Region (SJER) di Johor.



Apakah kesan pelaksanaan rancangan pembangunan tersebut?

- A Pengeluaran komoditi utama negara
- B Peningkatan taraf hidup rakyat bumiputera
- C Pembangunan negeri dan wilayah dapat diseimbangkan
- D Penglibatan pihak swasta dalam sektor pembangunan negara

29 Pada bulan Oktober 1962, Sabah Alliance telah ditubuhkan.

Apakah parti yang menyertai pertubuhan tersebut?

- I Democratic Party
- II Sabah Indian Congress
- III Sabah Chinese Association
- IV Parti Kebangsaan Melayu Labuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Indonesia.

| Tarikh            | Peristiwa                                  |
|-------------------|--|
| 30 September 1965 | Jeneral Suharto menjadi Presiden Indonesia |

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Pemerintahan republik dibentuk
- B Pertumbuhan ekonomi terjejas
- C Pengaruh komunis kukuh
- D Penamatan konfrontasi

31 Maklumat berikut berkaitan dengan pemisahan Singapura.

| 7 Ogos 1965   |
|---|
| Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia. |

Mengapakah Malaysia bersetuju dengan pemisahan Singapura?

- A Kerjasama politik
- B Kepentingan negara
- C Kemajuan ekonomi
- D Kekuatan pertahanan

32 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi pada awal kemerdekaan

Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A Melibatkan kerjasama swasta
  - B Meningkatkan eksport bijih timah
  - C Mempelbagaikan pengeluaran komoditi
  - D Menarik kemasukan pelabur luar negara
- 33 Apakah kesan pemisahan kaum dalam pentadbiran British di Tanah Melayu?
- A Mewujudkan kerjasama erat
  - B Memajukan sistem perdagangan
  - C Merenggangkan hubungan antara kaum
  - D Meningkatkan pembangunan ekonomi negara
- 34 Apakah usaha yang diambil untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?
- I Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
  - II Penggunaan bahasa Melayu dalam persuratan
  - III Penulisan bahasa Melayu dalam pengiklanan
  - IV Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

35 Gambar berikut berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).



Apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru?

- A Mencapai perpaduan kaum
- B Memodenkan sektor pertanian
- C Mencapai kemakmuran negara
- D Memajukan perindustrian berat

36 Dasar Penswastaan mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal oleh sektor swasta.

Mengapakah Dasar Penswastaan dilaksanakan?

- A Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
- B Menggiatkan pembukaan tanah baharu
- C Membangunkan perindustrian berat
- D Meningkatkan kualiti perkhidmatan

37 Apakah matlamat penggubalan dasar luar negara selepas mencapai kemerdekaan?

- A Mengekalkan identiti nasional negara
- B Mengatasi konflik negara serantau
- C Melindungi kepentingan nasional
- D Memajukan pembangunan

38 Gambar berikut merupakan logo Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).



Bagaimanakah ASEAN mengukuhkan kerjasama ekonomi di rantau Asia Tenggara?

- A Meningkatkan tarif
- B Membentuk agensi
- C Mewujudkan tabung
- D Mengintegrasikan ekonomi

39 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>● Aman Palestin</li><li>● Cinta Gaza Malaysia</li></ul> |
|---|

Apakah bentuk bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh NGO tersebut?

- I Menyalurkan bantuan kebajikan
  - II Menyertai pasukan keselamatan
  - III Memulihkan sistem pentadbiran
  - IV Mewujudkan pengajian Al-Quran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 40 Bagaimanakah negara kita memastikan rantau Asia Tenggara bebas daripada persaingan senjata nuklear?
- A Melarang ujian dan latihan senjata nuklear
  - B Menubuhkan Pusat Penyelidikan nuklear
  - C Menganjurkan persidangan antarabangsa
  - D Memboikot barangan dari negara nuklear

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**